

08/10/2003

PM lancar YPMKP Jumaat ini

ALOR STAR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka melancarkan Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu (YPMKP), badan kebajikan yang diilhamkan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, di Putrajaya, Jumaat ini.

Pengerusi YPMKP, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri, berkata yayasan berkenaan yang ditubuhkan pada tahun 2000 memulakan programnya dengan penubuhan Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu di Jitra bagi memajukan masyarakat khususnya dalam bidang pendidikan dan pembangunan insan.

Beliau berkata, sejak penubuhannya, yayasan banyak menganjurkan program berorientasikan pendidikan dan pembangunan sosial dalam usaha melengkapkan masyarakat setempat menghadapi cabaran masa depan.

"Yayasan juga pernah menganjurkan kursus teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), Kem Siber, pemasangan dan memperbaiki komputer, perkhidmatan kaunseling, kelas bimbingan sosial serta program pembangunan untuk pemimpin masyarakat peringkat kampung dan daerah," katanya dalam kenyataan akhbar di sini, semalam.

Beliau berkata, perancangan besar yayasan ialah pembinaan sebuah kem latihan yang akan dinamakan Kem Sri Kandi Siti Hasmah Mohd Ali di Sintok di atas tapak seluas 20 hektar.

Selain itu, katanya, Universiti Utara Malaysia (UUM) juga turut bekerjasama membantu yayasan dalam banyak program yang dianjurkan.

"Hasrat yayasan pada masa depan ialah menjadi perintis pelaksana kepada pemikiran Dr Mahathir dalam membangunkan negara supaya memberi manfaat bukan saja kepada masyarakat di sekitar Kubang Pasu, malah menjadi contoh pembangunan komuniti seluruh negara," katanya, yang juga Naib Canselor UUM.

Sehubungan itu, katanya, yayasan mengalu-alukan sumbangan daripada swasta dan individu bagi melancarkan programnya pada masa depan.

Katanya, sumbangan boleh dihantar kepada YPMKP, Bangunan Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu, Jalan Masjid, 06000, Jitra, Kedah atau telefon 04-9174978.